


DEBAT MELAHIRKAN MAHASISWA YANG MATANG

Oleh: Suwaibah binti Mustapha, 1172402

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 11 Ogos 2020



Penulis bersama barisan pendebat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ketika dinobatkan sebagai Johan Debat Bahasa Arab peringkat antarabangsa yang berlangsung di Doha, Qatar.

Penyertaan dalam arena perdebatan menuntut pendebat menyusun strategi dan latihan sebagai persiapan sebelum bertanding. Tiga kemahiran asas utama mesti dikuasai iaitu bahasa, pengucapan awam dan berdebat.

Kemahiran ini termasuk pemilihan tatabahasa, pembinaan ayat berasaskan idea, lantunan suara, gaya percakapan, kemahiran mengawal tempo suara serta kemahiran menganalisis tajuk dan hujah pihak lawan dengan cepat.

Berbeza dengan pidato yang sekadar menghafal teks dan menyampaikannya dengan gaya tersendiri, debat lebih menguji kredibiliti dan kematangan orang yang berucap kerana waktu yang diperuntukkan untuk persediaan sangat terhad.

Bagi sesetengah orang, debat itu perlu bergaduh, bertengkar, bersengketa dan bermusuhan, tetapi sentimen itu semua tidak benar.

Debat sebenarnya melatih kita untuk berfikir tajam dengan pantas serta menyusun idea untuk memuaskan penonton.



Syed Saddiq dalam sesi perdebatan bersama pelajar Tingkatan Empat (gambar: BH Online)

Lihat sahaja bagaimana kepetahan bekas Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, yang matang dalam melontarkan idea dan hujah di Parlimen walaupun berdepan dengan Ahli-ahli Parlimen yang jauh lebih berusia daripadanya.

Pengalamannya dalam dunia debat sehingga diiktiraf sebagai pendebat terbaik Asia telah banyak membuka mata beliau tentang kepentingan kemahiran pengucapan awam yang sepatutnya dikuasai anak muda.

Dalam temu bual bersama Malaysia Hari Ini (MHI), Syed Saddiq berkata, kemahiran ini perlu dikuasai, khususnya melihat kepada faktor pertambahan kes pengangguran dalam kalangan belia, iaitu kurang keyakinan serta kurang kemahiran berfikir dan menganalisis.

Bagi pihak industri, norma pekerjaan sekarang tertumpu bukan sahaja kepada kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi apa yang lebih penting adalah sejauh mana kemampuan graduan dalam mempamerkan kemahiran diri termasuk kebolehan menyelesaikan masalah berkumpulan.

Islam juga menitikberatkan kaedah berdebat sebagai penyelesaian masalah. Debat merupakan salah satu cara dakwah dalam Islam dan dibolehkan mengikut keadaan tertentu seperti yang tertulis dalam surah an-Nahl ayat ke 148, "*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.*"

Untuk menjamin kecemerlangan masa depan, graduan seharusnya mempunyai keseimbangan antara kemahiran akademik dan kemahiran insaniah termasuk berdebat kerana ia merupakan tiket untuk bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.